



LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA

Tingkat 17, Ibu Pejabat JKR, Jalan Sultan Salahuddin, 50582 Kuala Lumpur

Peti Surat 12695, 50786 Kuala Lumpur

Tel : 03-26982878 / 26967087 Faks : 03-26936881

E-Mel : info@lam.gov.my web : www.lam.gov.my

GENERAL CIRCULAR NO. 1/2010

REGISTRATION OF INTERIOR DESIGN CONSULTANCY PRACTICE

1. This General Circular is issued as guidelines pertaining to the formation and registration of interior design consultancy practice.
2. Pursuant to Section 27E (1) of the Architects Act 1967, a sole proprietorship, partnership or body corporate may operate as an interior design consultancy practice if it is registered with the Board of Architects Malaysia as an interior design consultancy practice and has been issued with a certificate of registration. All Interior Designers who are registered with the Board are therefore required to register their practices whether in the form of sole proprietorship, partnership or body corporate.
3. The registration of an interior design consultancy practice shall be subject to the following conditions as provided under Section 27E (3) of the aforesaid Act :
 - i) in the case of the sole proprietorship, the sole proprietor is an Interior Designer registered with the Board;
 - ii) in the case of the partnership, all the partners are Interior Designers registered with the Board; and
 - iii) in the case of body corporate –
 - a) the board of directors shall comprise of Interior Designers registered with the Board and/or Professional Architects;
 - b) the shares shall be solely held by members of the board of directors mentioned in subparagraph (a) above or with any other persons who are Interior Designers registered with the Board or Professional Architects; and
 - c) has a minimum paid-up capital of RM50,000.
4. At any one time, an Interior Designer is only allowed to set up two different types of practice of different composition as specified under paragraph 3 above but shall not include a multi-disciplinary practice (MDP).
5. An Interior Designer from among Professional Architects who already have two (2) architectural consultancy practices is only allowed to have one (1) interior design consultancy practice.
6. In forming and naming their practice, Interior Designers are required to abide by the following guidelines:

6.1. **Sole Proprietorship**

6.1.1 Being the sole principal of the firm, Interior Designers shall preferably use their names in full:

e.g.: Perekabentuk Dalaman Ahmad Bakar
Lim Ah Kow Interior Designer

6.1.2 Interior Designers may also be allowed to use part of their names:

e.g.: Perekabentuk Dalaman A. Bakar
AK Lim Interior Designer

6.2. **Partnership**

6.2.1 All the partners shall be Interior Designers registered with the Board;

6.2.2 Names of practice shall refrain from being pretentious or ostentatious or of such nature that may negatively affect the dignity of the profession or place it in a position of possible ridicule:

e.g. Global Interior Designers
Perekabentuk Dalaman Supreme

6.2.3 Preferably the names of firms shall comprise the actual names of the directors or the acronyms of their initials.

6.3 **Interior Design Body Corporate**

6.3.1 The board of directors shall be Interior Designers registered with the Board and/or Professional Architects;

6.3.2 The body corporate shall have a minimum paid-up capital of RM50,000;

6.3.3 The shares shall be held by members of the board of directors solely or with any other persons who are Interior Designers registered with the Board or Professional Architects;

6.3.4 Names of the practice shall refrain from being pretentious or ostentatious or of such nature that may negatively affect the dignity of the profession or place it in a position of possible ridicule;

6.3.5 Preferably the names of firms shall comprise the actual names of the directors or the acronyms of their initials.

6.4. **Change in Composition of Practice**

An interior design consultancy practice shall, within thirty days of the occurrence of any change of its sole proprietorship, or the composition of its partners, board of directors or shareholders, furnish to the Board a true report in writing giving full particulars of the change.

6.5. **Description of Practice**

All description of practice shall accurately convey the composition and expertise of the practice or bodies corporate as follows:

6.5.1 If the principals are all Interior Designers, the practice shall be described as "Interior Designers" and shall not be described as "Interior Designers, Architects, Engineers and etc" ;

6.5.2 Similarity to existing names of practices is not allowed.


6.6. **Letterhead**

All letterheads must include the detailed address of the registered office, name of sole proprietor, names of partners and directors together with their respective professional qualifications and designation.

7. You may apply by filling-in **Form Q** (for sole proprietorship or partnership) or **Form R** (for body corporate practice) for the Board's consideration. The relevant Forms may be downloaded from the Board's website at www.lam.gov.my.
8. The application shall be accompanied with a registration fee as follows:
 - i) Sole proprietorship - RM500.00 (inclusive of processing fee of RM50)
 - ii) Partnership and Body Corporate - RM800.00 (inclusive of processing fee of RM50)
9. The payment shall be in the form of money order / bank draft / cheque made payable to the Board of Architects Malaysia or via e-payment at www.cimbbank.com.my.
10. The Board is entitled to reject any application that does not fulfil the conditions stated in these Guidelines.

Thank you.

By Order of the Board of Architects Malaysia,



.....
(Ar. ZURAINA LEILY AWALLUDIN)
Registrar

15 April 2010



LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA

Tingkat 17, Ibu Pejabat JKR, Jalan Sultan Salahuddin, 50582 Kuala Lumpur

Peti Surat 12695, 50786 Kuala Lumpur

Tel : 03-26982878 / 26967087 Faks : 03-26936881

E-Mel : info@lam.gov.my web : www.lam.gov.my

SURAT PEKELILING AM BIL. 1/2010

PENDAFTARAN PRAKTIS PERUNDING REKABENTUK DALAMAN

1. Pekeliling Am ini dikeluarkan sebagai garis panduan mengenai penubuhan dan pendaftaran praktis perunding rekabentuk dalaman.
2. Mengikut Seksyen 27E (1) Akta Arkitek 1967, sebuah praktis ketuanpunyaan tunggal, perkongsian atau pertubuhan perbadanan boleh beroperasi sebagai praktis perunding rekabentuk dalaman sekiranya praktis tersebut berdaftar dengan Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) sebagai sebuah praktis perunding rekabentuk dalaman dan telah dikeluarkan suatu perakuan pendaftaran. Dengan itu, semua Perekabentuk Dalaman yang berdaftar dengan LAM dikehendaki mendaftarkan praktis mereka sama ada dalam bentuk ketuanpunyaan tunggal, perkongsian atau pertubuhan perbadanan.
3. Pendaftaran praktis perunding rekabentuk dalaman akan tertakluk kepada syarat-syarat berikut sepertimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 27E (3) Akta tersebut :
 - i) bagi praktis ketuanpunyaan tunggal, pemilik tunggal tersebut adalah seorang Perekabentuk Dalaman yang berdaftar dengan LAM;
 - ii) bagi praktis perkongsian, semua rakan kongsi hendaklah terdiri daripada Perekabentuk Dalaman yang berdaftar dengan LAM; atau
 - iii) bagi pertubuhan perbadanan -
 - a) lembaga pengarah hendaklah terdiri dari Perekabentuk Dalaman yang berdaftar dengan LAM dan/atau Arkitek Profesional;
 - b) saham-saham hendaklah hanya dimiliki sepenuhnya oleh ahli lembaga pengarah seperti yang dinyatakan dalam sub-perenggan (a) di atas atau dengan mana-mana orang lain dari kalangan Perekabentuk Dalaman yang berdaftar dengan LAM atau Arkitek Profesional; dan
 - c) mempunyai modal berbayar minimum sebanyak RM50,000.
4. Pada satu-satu masa, seseorang Perekabentuk Dalaman hanya dibenar mempunyai dua jenis praktis yang berlainan komposisi seperti yang dinyatakan di perenggan 3 di atas tetapi tidak termasuk praktis pelbagai disiplin (MDP).
5. Seorang Perekabentuk Dalaman dari kalangan Arkitek Profesional yang telahpun mempunyai dua (2) praktis perunding senibina hanya dibenar menubuhkan satu (1) praktis perunding rekabentuk dalaman sahaja.
6. Dalam menubuh dan menamakan praktis, para Perekabentuk Dalaman dikehendaki mematuhi garis panduan berikut:

6.1. **Ketuanpunyaan Tunggal**

6.1.1 Selaku pemilik tunggal praktis, para Perekabentuk Dalaman hendaklah sebaik-baiknya menggunakan nama mereka sendiri sepenuhnya:

Contoh: Perekabentuk Dalaman Ahmad Bakar
Lim Ah Kow Interior Designer

6.1.2 Perekabentuk Dalaman boleh juga dibenar untuk menggunakan sebahagian daripada nama mereka:

Contoh: Perekabentuk A. Bakar
AK Lim Interior Designer

6.2. **Perkongasian**

6.2.1 Semua rakan kongsi hendaklah terdiri daripada Perekabentuk Dalaman yang berdaftar dengan LAM;

6.2.2 Nama-nama praktis yang digunakan hendaklah tidak berbentuk kepura-puraan (pretentious) atau menunjuk-nunjuk (ostentatious) atau dalam bentuk yang boleh memberi gambaran negatif terhadap kewibawaan profesion atau meletakkannya dalam suatu kedudukan yang boleh menerima cemuhan:

Contoh: Global Interior Designers
Perekabentuk Dalaman Supreme

6.2.3 Nama-nama praktis sebaik-baiknya hendaklah mengandungi nama sebenar para pengarah atau akronim daripada huruf awal nama mereka.

6.3. **Pertubuhan Perbadanan Rekabentuk Dalaman**

6.3.1 Lembaga pengarah hendaklah terdiri daripada Perekabentuk Dalaman yang berdaftar dengan LAM dan/atau Arkitek Profesional;

6.3.2 Pertubuhan perbadanan tersebut hendaklah mempunyai modal berbayar minima sebanyak RM50,000;

6.3.3 Semua saham hendaklah hanya dipegang oleh ahli-ahli lembaga pengarah atau dengan mana-mana orang perseorangan lain yang terdiri daripada Perekabentuk Dalaman yang berdaftar dengan LAM atau Arkitek Profesional;

6.3.4 Nama-nama praktis yang digunakan hendaklah tidak berbentuk kepura-puraan (pretentious) atau menunjuk-nunjuk (ostentatious) atau dalam bentuk yang boleh memberi gambaran negatif terhadap kewibawaan profesion atau meletakkannya dalam satu kedudukan yang boleh menerima cemuhan;

6.3.5 Nama-nama praktis sebaik-baiknya hendaklah mengandungi nama sebenar para pengarah atau akronim daripada huruf awal nama mereka.

6.4. **Perubahan Komposisi Praktis**

Sesebuah praktis perunding rekabentuk dalaman hendaklah dalam tempoh 30 hari setelah berlaku sesuatu perubahan dalam praktis ketuanpunyaan tunggal, atau komposisi rakan perkongsian, lembaga pengarah atau pemegang saham, mengemukakan kepada LAM satu laporan sebenar secara bertulis yang memberikan butir-butir perubahan sepenuhnya.

6.5. **Diskripsi mengenai Praktis**

Semua diskripsi mengenai praktis hendaklah menunjukkan dengan tepat komposisi dan kepakaran sesebuah praktis atau pertubuhan perbadanan seperti berikut:

6.5.1 Sekiranya semua prinsipal adalah Perekabentuk Dalaman, praktis tersebut hendaklah ditunjukkan sebagai praktis "Perekabentuk Dalaman" dan tidak sebagai praktis "Perekabentuk Dalaman, Arkitek Profesional, Jurutera dan lain-lain" ;

6.5.2 Persamaan dengan nama-nama praktis yang sedia ada tidak dibenarkan.


6.6. **Kepala Surat**

Semua kepala surat hendaklah mengandungi butir-butir lengkap mengenai alamat pejabat berdaftar, nama pemilik tunggal, nama rakan-rakan perkongsian dan pengarah termasuk kelayakan-kelayakan profesional dan gelaran masing-masing.

7. Permohonan boleh dibuat dengan mengisi **Borang Q** (bagi praktis ketuanpunyaan tunggal atau perkongsian) atau **Borang R** (bagi praktis pertubuhan perbadanan) untuk pertimbangan LAM. Borang yang berkenaan boleh dimuat-turun dari laman web LAM di www.lam.gov.my.
8. Permohonan hendaklah disertakan dengan bayaran pendaftaran seperti berikut :
 - i) Ketuanpunyaan tunggal - RM500.00 (termasuk fi pemprosesan RM50.00)
 - ii) Perkongsian dan Pertubuhan Perbadanan - RM800.00 (termasuk fi pemprosesan RM50.00)
9. Bayaran boleh dibuat dalam bentuk kiriman wang / draf bank / cek atas nama Lembaga Arkitek Malaysia atau melalui pembayaran atas talian di www.cimbbank.com.my.
10. LAM berhak menolak mana-mana permohonan yang tidak memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan dalam Garispanduan ini.

Sekian, terima kasih.

Dengan Perintah Lembaga Arkitek Malaysia,



(Ar. ZURAINA LEILY AWALLUDIN)

Pendaftar

15 April 2010